

KPDNHEP rampas jersi tiruan

IPOH - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak mencatatkan nilai rampasan berjumlah RM7,918.00 dalam Ops Membanteras Barangan Tiruan di pekarangan Stadium Perak kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat kuasanya, Khalid Tik berkata, operasi yang bermula sekitar jam 8 malam itu

merampas dan menyita sebanyak 218 helai jersi pasukan tempatan pelbagai saiz berjenama terkenal.

Menurutnya, sepasukan 12 anggota KPDNHEP dan lima wakil cap dagang diketuai Mohd Airil Mohd Khairil Akhtar menjalankan pemeriksaan ke beberapa premis di pekarangan Stadium Perak yang menjual baju dan seluar jersi pasukan tempatan.

“Hasil pemeriksaan menemui sejumlah barangan disyaki barang tiruan dan pemeriksaan lanjut mendapati peniaga terbabit turut disyaki membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa barang yang baginya suatu perihal dagangan palsu.

“Tiada tangkapan dibuat dan peniaga berkenaan dilepaskan setelah ketenterangan diambil,” katanya menerusi kenyataan akhbar di sini semalam.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 8(2)(b) Akta Perihal Dagangan 2011.

Khalid berkata, KPDNHEP memandang serius perkara itu khususnya melindungi hak-hak pemilik cap dagang melalui pemantauan dan risikan berterusan ke atas premis yang menjual barangan berjenama bagi banteras penjualan barang tiruan.



Pegawai KPDNHEP berkata sesuatu kepada peniaga ketika operasi berkenaan di perkarangan Stadium Perak kelmarin.